

PruBSN myDNA – Terma dan Syarat

1. Ujian DNA dan perkhidmatan nutrigenomik myDNA (“perkhidmatan myDNA”) dibawakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN), syarikat Takaful berlesen di bawah seliaan Bank Negara Malaysia. Perkhidmatan myDNA disediakan secara khusus oleh pihak ketiga, Prenetics Limited (“Prenetics”). Bagi segala matlamat dan tujuan, PruBSN tidak bersekutu dengan Prenetics dalam apa cara sekalipun.

2. Syarat kelayakan kempen:

Langgani mana-mana pelan PruBSN dengan:

- a. Jumlah perlindungan MINIMA sebanyak RM1,000,000.00*, ATAU
- b. Jumlah pembayaran tahunan MINIMA sebanyak RM12,000**

* Jumlah perlindungan setiap sijil adalah termasuk jumlah perlindungan untuk Basic Death and Standalone 36 Critical Illnesses Benefits seperti Crisis Protector atau sama sepertinya.

** Jumlah pembayaran tahunan minima adalah tidak termasuk pembayaran untuk medical riders, Takaful savers atau sama sepertinya.

3. Tempoh kempen:

PruBSN Warisan: 16 Ogos 2017 - 31 Disember 2017

Semua pelan PruBSN: 1 Oktober 2017 - 31 Disember 2017

4. Anda layak menerima perkhidmatan myDNA sekiranya:

- a. Anda melanggan mana-mana pelan PruBSN dan memenuhi syarat kelayakan kempen dalam tempoh kempen, DAN
- b. Pelan tersebut diluluskan dan efektif selewat-lewatnya pada 15 January 2018, DAN
- c. Sijil Takaful tersebut kekal berkuatkuasa selama sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permulaan sijil, DAN
- d. Anda perlu memberikan nombor telefon bimbit yang sah semasa membuat permohonan

5. Pemegang sijil Takaful perlu menebus perkhidmatan myDNA dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permulaan sijil. Sekiranya gagal perkhidmatan myDNA tersebut mungkin dibatalkan mengikut hak mutlak dan tunggal PruBSN.

6. Perkhidmatan myDNA ini BOLEH dipindah milik, akan tetapi TIDAK boleh ditukar kepada tunai. Anda mempunyai hak mutlak untuk memindahkan perkhidmatan myDNA kepada pihak ketiga. Walau bagaimanapun, PruBSN tidak akan bertanggungjawab atau memegang liabiliti bagi pemindahan tersebut.
7. PruBSN mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk membatalkan tawaran perkhidmatan myDNA sekiranya terma dan syarat kempen tidak dipenuhi.
8. Bagi semua matlamat dan tujuan, tawaran kelayakan untuk perkhidmatan myDNA, dalam apa jua keadaan tidak akan ditafsirkan sebagai suatu variasi kepada terma dan syarat di bawah polisi tersebut untuk pelan PruBSN Warisan.
9. PruBSN mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk menukar/menggantikan perkhidmatan myDNA dengan tawaran lain yang sama nilainya tanpa memberikan apa-apa notis terlebih dahulu kepada pemegang polisi yang layak.
10. PruBSN tidak membuat apa-apa perwakilan, jaminan atau aku –janji terhadap kualiti atau keberkesanan berhubung dengan perkhidmatan myDNA yang disediakan oleh Prenetics. PruBSN tidak akan bertanggungjawab terhadap pemegang sijil yang layak, atau mana-mana pihak ketiga yang lain termasuk mana-mana penerima pemindahan perkhidmatan myDNA berhubung dengan apa-apa kerugian, kerosakan, perbelanjaan, tindakan guaman, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung yang berbangkit daripada atau berhubung dengan penggunaan perkhidmatan myDNA yang disediakan oleh Prenetics.